

Alhaq jadi juara

Rebut lima daripada yang dipertaruh sembilan emas



SIAP BERTAHAN: Pesilat Tapak Suci, Sheikh Alauddin Yaacob (*kiri*) menanti serangan Mohd Hussain Malimar dari perguruan Seligi Tunggal Perwanit dalam Kelas Bebas. — Gambar-gambar BH oleh KARIM ISKANDAR.

Oleh MOHD SANI ALI

KUMPULAN Silat Perguruan Alhaq, keluar sebagai juara keseluruhan acara silat olahraga dengan memungut enam pingat emas di Kejohanan Silat Nasional Pesta Sukan, di Dewan Sukan Toa Payoh, petang semalam.

Kejayaan Alhaq itu dicapai selepas semua lima pesilatnya berhasil memungut lima daripada sembilan pingat emas yang dipertuhkan dalam pertandingan akhir, pada hari terakhir itu.

Mohd Zamri memulakan pungutan emas Alhaq, apabila berjaya mengatasi pencabarnya Mohd Amin dari Seligi Tunggal Perwanit dalam perlawanan pembukaan Kelas Bahagian Dewasa.

28 AUG 1991
Bagaimanapun, pingat emas kedua Alhaq dipungut menerusi Mohd Hidayat



SEDIA MENANTI: Nurhaini Joomarin dari perguruan Esha (*kanan*) menanti serangan pesilat Alhaq, Badriah Hosni dalam Kelas B.

Hosni tanpa perlu menitikkan setitik peluh dalam Kelas B bahagian dewasa.

Ini ekoran kemenangan

dua yang diterima daripada Abdul Latiff Tambi, peserta perguruan Sendeng Seturut, yang gagal tampil

kerana dilaporkan sakit.

"Kemenangan tersebut dikira sebagai kemenangan teknikal. Latif melaporkan beliau tidak sihat dan tidak dapat bertanding di peringkat akhir itu," demikian jelas Setiausaha Satu Persekutuan Silat Singapura (Persisi), Mohd Khamin Said.

Malah satu lagi kemenangan percuma dicatatkan dalam pertandingan Kelas C bahagian dewasa.

Ini ekoran dari keputusan Kulvinder Singh, satu-satunya pesilat bukan Melayu yang tidak dapat tampil kerana bapa saudaranya meninggal dunia, malam kelamrin.

Perguruan Alhaq, selanjutnya memenangi pingat emas ketiga menerusi Badriah Hosni, pesilat nasional dalam Kelas B wanita. Badriah kelihatan masih tangkas untuk menangkis setiap serangan pesilat Esha, Nurhaini Joomarin.

Azman Amat, yang pernah mewakili negara di pertandingan antarabangsa, meneruskan pungutan pingat emas keempat dari Kelas D.

Beliau juga masih unggul walaupun menerima cabaran hebat dari pesilat Sunda Pajajaran, Moxsin Mokti.

Pesilat kelima Alhaq, Abdul Kadir Ibrahim menamatkan pungutan emas dengan mengalahkan pesilat Tapak Suci, Mohd Raziff Mohd Yusoff dalam Kelas E.

Namun demikian, pertandingan pesilat antarabangsa negara, Sheikh Alauddin Yaacob dari perguruan Tapak Suci, tetap menarik.

Alauddin berjaya menyekat setiap serangan pesilat Seligi Tunggal Perwanit, Mohd Hussain Malimar dalam Kelas Bebas.

Perguruan Gayung Pasak, menduduki tangga kedua dalam senarai pungutan pingat apabila mereka berjaya me-

menangi tiga emas, satu perak dan tiga gangsa.

Berkongsi dua pingat emas ialah perguruan Esha, Tapak Suci dan Sendeng Pukulan. Bagaimanapun, Esha mempunyai kelebihan dalam pungutan pingat perak, mereka mempunyai tiga perak dan empat gangsa.

Ini diikuti oleh Esha dengan mempunyai dua perak, tanpa gangsa, dan diikuti oleh Sendeng Pukulan, satu perak dan empat gangsa.

Khamin juga menyatakan, kejohanan nasional musim ini telah menarik minat 18 perguruan.

Namun demikian, Khamin meningkatkan, tidak semestinya setiap pemenang pingat emas itu mendapat tempat ke Manila. Pemilihan akan dipertimbang berdasarkan kelakonan, disiplin dan persembahan mereka secara menyeluruh.

KEPUTUSAN PENUH

Bahagian Lelaki (Dewasa):

Kelas A: 1. Abdul Talib Tambi (Sendeng Seturut) 2. Mohd Yusoff Mohd Amin (Tapak Suci) 3. Bahrul Ulum Buang (Alhaq) dan Abdul Razak Osman (Gayong Pasak).

Kelas B: Mohd Hidayat Hosni (Alhaq) 2. Abdul Latiff Tambi (Sendeng Seturut) 3. Irwan Amza (Gayong Perwanit) dan Rustam Othman (Esha).

Kelas C: 1. Effendy Ani (Gayong Pasak) 2. Kulvinder Singh (Sendeng Jaya Putra) 3. Abdul Yazid Mainuddin (Gayong Perwanit) dan Mohd Iskandar Hosni (Alhaq).

Kelas D: 1. Azman Amat (Alhaq) 2. Moxsin Mokti (Sunda Pajajaran) 3. Juraimi Zainol (Sendeng Jaya Putra) dan Mohd Ali Matsom (Kuntu Asli).

Kelas E: 1. Abdul Kadir

Ibrahim (Alhaq) 2. Mohd Raziff Mohd Yusoff (Tapak Suci) 3. Sulaiman Ismail (Sendeng Jaya Putra) dan Mohd Ali Matsom (Kuntu Asli).

Kelas F: Ashaari Abdul Latip (Gayong Pasak) 2. Raja Ahmad Raja Yusoff (Gayong Pasak) 3. Jusri Abdul Karim (Cekak Serantau) dan Mohd Jais Hussin (Alam Sekilas).

Kelas Bebas: 1. Sheikh Alauddin Yaacob (Tapak Suci) 2. Mohd Hussain Malimar (Seligi Tunggal Perwanit).

Bahagian Belia:

Kelas C: 1. Mohd Fahmi Mokhtar (Esha) 2. Kaizuran Simo (Randai) 3. Irwan Anza (Gayong Perwanit).

Kelas D: 1. Kamaruzaman Abdul Aziz (Tapak Suci) 2. Hainiezam Rahim (Esha) 3. Nor Edham Amin (Gayong Pasak) dan Norizal Had (Sendeng Pukulan).

Kelas E: 1. Mohd Said Hassan (Gayong Perwanit) 2. Alferohan Bakri (Sendeng Jaya Putra) 3. Mohd Salleh Yahya (Alam Sekilas) dan Jamal Abdullah (Esha).

Kelas F: 1. Sahat Siregar Hamid (Alhaq) 2. Ramdhan Ismail (Gayong Pasak) 3. Roslan Ahmad (Sendeng Pukulan) dan Mohd Riduan Mohd Tahir (Sunda Pajajaran).

Kelas G: 1. Mohd Zamri

(Alhaq) 2. Mohamed Amin (Seligi Tunggal Perwanit) 3. Mohd Abdul Kadir (Gayong Pasak) dan Rohaizat Saini (Sendeng Jaya Putra).

Kelas H: 1. Mohd Falak Hosni (Alhaq) 2. Azahari Othman (Esha) 3. Yassin Jumaat (Gayong Perwanit).

Kelas Bebas: 1. Mohd Jufri Selamat (Sendeng Pukulan) 2. Mohd Mazri Mohd Yusoff (Alhaq) 3. Mohd Razak Husin (Seligi Tunggal Perwanit) dan Esfanrizal

Rahwom (Gayong Perwanit).

Bahagian Wanita

(Remaja):

Kelas C: 1. Sureyate Abdul Rahman (Esha) 2. Cut Melor Jarimin (Sunda Pajajaran) 3. Rafizah Abdul Talib (Sendeng Pukulan).

Bahagian Dewasa:

Kelas A: 1. Intan Zahriah Zainalabidin (Gayong Pasak) 2. Kartinah Ahmad (Sendeng Pukulan) 3. Julyna Osman (Gayong Perwanit) dan Siti Julina Sukiah (Esha).

Kelas B: 1. Badriah Hosni (Alhaq) 2. Nurhaini Joomarin (Esha) 3. Zarinah Hassim (Sendeng Jaya Putra) dan Normah Hasan (Alam Sekilas).

Kelas C: 1. Rafeah Rashid (Sendeng Pukulan) 2. Dina Samat (Alhaq) 3. Zaiton Senin (Esha).